

24/03/2005

PM rasmi sidang ketua pegawai eksekutif

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan Persidangan Antarabangsa Ketua-ketua Pegawai Eksekutif 2005 di Magellan Sutera Hotel, di sini, Isnin ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata sehingga kini lebih 500 perwakilan di kalangan tokoh perniagaan, pegawai eksekutif dan ketua syarikat dari 30 negara mengesahkan penyertaan.

Persidangan tiga hari bertemakan 'Global Issues and Challenges Facing Asian Corporation' itu dianjurkan kerajaan Sabah menerusi Kumpulan Yayasan Sabah.

Ia dijadual ditutup Pengerusi Yayasan Kepemimpinan Perdana, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet negeri di Wisma Innoprise di sini semalam, Musa yang juga Menteri Kewangan negeri berkata, Kabinet negeri turut diberi taklimat mengenai persediaan dan berpuas hati dengan persiapan yang diatur.

Katanya, antara objektifnya adalah untuk memberi pendedahan kepada delegasi mengenai peluang pelaburan dan perniagaan dalam sektor pelancongan, pertanian dan pembuatan di negara ini, khususnya Sabah.

Sambil menyatakan rasa bangga Sabah menganjurkan persidangan berkenaan buat pertama kali, beliau berkata, beberapa tokoh terkemuka dunia dijangka hadir untuk menjadi ahli panel dan menyampaikan kertas kerja.

"Mereka akan berkongsi pengalaman dan kemahiran bersama peserta persidangan," katanya.

(END) Source : Berita Harian